

Rakyat dikeliru kelompok

11 JULAI 2002

JITRA 21 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat telah dikelirukan oleh kelompok tertentu yang memperalatkan agama Islam sehingga mereka tidak dapat membezakan antara kebaikan dan keburukan.

Perdana Menteri berkata, melalui putar belit agama tersebut kelompok berkenaan telah berjaya meraih sokongan daripada rakyat demi kepentingan politik mereka.

“Apabila datang orang ini dengan memutarbelitkan ajaran agama dan mendakwa kononnya memaki-hamun, mencarut adalah sesuatu yang dibuat oleh Allah, ia telah mengelirukan rakyat.

“Saya sedih kerana mereka bukannya menyampaikan ajaran Islam sebenar sebaliknya memutarbelitkan agama dengan menghalalkan yang haram, dan ramai yang tidak mempunyai pengetahuan agama menerima (terpengaruh) kerana mereka melihat orang yang datang itu berserban, berjubah dan berjagut serta ketika berucap menggunakan ayat-ayat al-Quran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena konvensyen K3P Kebangsaan di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, akibat daripada kekeliruan yang timbul, berlakulah ‘kesalahan’ apabila kelompok berkenaan disokong seperti yang terjadi pada pilihan raya kecil baru-baru ini.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun di sekolah, kerajaan cuba mengajar murid-murid mengenali yang mana benar dan yang mana buruk namun ia telah dikelirukan oleh sesetengah guru agama.

“Sekolah yang seharusnya menjadi tempat untuk menokok tambah perkara baik yang diajar di rumah telah dikelirukan oleh sesetengah guru agama yang tidak bertanggungjawab.

“Mereka tidak mengajar murid menjadi manusia yang baik seperti diharapkan oleh ibu bapa sebaliknya mereka mengajar murid-murid membenci orang Islam lain, membenci kerajaan dan pemimpin, bukan kerana ini adalah benar tetapi semata-mata kerana anak itu apabila besar akan menolak parti kerajaan yang datang begitu banyak melakukan kebaikan kepada mereka,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mengingatkan rakyat baha-

wa mereka harus bijak menilai antara kebaikan dan keburukan kerana rakyat yang bijak akan menghasilkan kerajaan yang bijak juga.

“Sebaliknya rakyat yang tidak tahu perbezaan antara yang baik dan buruk maka kerajaan yang akan dibentuk untuk mentadbir negara ini juga akan menjadi sebuah kerajaan yang sama buta kerana mereka dipilih oleh orang yang tidak bijak,” katanya.

Beliau menegaskan, apabila rakyat tidak membuat keputusan yang tidak bijak mereka akan menerima padah dengan menjadi mangsa kerana memberi jalan kepada orang yang tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi pengetahuan kepada rakyat melalui pelbagai cara supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakyah parti tertentu yang sering menyebarkan fitnah dan berita palsu bagi mengelirukan rakyat.

“Oleh kerana terkeliru dengan kelompok berkenaan kadangkala rakyat tidak dapat membuat penilaian mana yang betul dan mana yang salah.

“Apabila rakyat tidak mendengar perkara yang benar mungkin kita buat keputusan yang salah seperti mana yang berlaku dalam pilihan raya baru-baru ini,” katanya.

Dr. Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan dakyah bahawa mereka tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan yang telah banyak membantu mereka kerana ia boleh menyebabkan masyarakat dan negara porak-peranda.

“Ini kerana melalui sikap tahu membalas budi, berterima kasih dan tolong menolong ia akan membolehkan masyarakat menjadi aman kerana jika berlaku mala petaka atau ditimpa masalah akan ada orang yang menolong,” katanya.

Perdana Menteri melahirkan kebimbangan terhadap budaya tidak tahu berterima kasih yang dianggap beliau kini semakin menular di kalangan masyarakat.

“Kerajaan cuba membentuk masyarakat yang tahu berterima kasih tetapi ia telah digugat oleh kelompok yang mempunyai kepentingan politik yang menghasut rakyat supaya tidak mengamalkan budaya berterima kasih tersebut,” katanya.

peralat Islam